

Perdana Menteri tolak hadiah tanah di Kedah

UM 30/10/2003 - 2 PRECISE

ALOR STAR 29 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad enggan menerima sebidang tanah yang dihadiahkan oleh Kerajaan negeri sebagai mengenang jasanya sebagai Perdana Menteri dan juga anak watan Kedah.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak

Syed Zain berkata, Dr. Mahathir enggan menerima tanah itu bukan bermakna dia tidak sudi tetapi ingin membelinya jika dia mahu memiliki tanah di negeri ini.

“Dia (Mahathir) kata tak payah bagi tanah kat dia, sebab Kedah negeri miskin dan kalau dia nak tanah dia akan beli

dengan wang sendiri,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco di sini, hari ini.

Beliau berkata, tanah itu adalah penghargaan terhadap sumbangan Dr. Mahathir terhadap pembangunan di negeri ini.

Katanya, kerajaan negeri mungkin akan

menganjurkan satu majlis jamuan makan bersamanya setelah dia tiba di Kedah nanti.

Syed Razak berkata, setakat ini kerajaan negeri belum mendapat sebarang maklumat mengenai kepulangan Dr. Mahathir ke negeri ini setelah menyerahkan kepimpinannya kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Jumaat ini.